

21/05/2003

Pak Lah jamin terus dasar tidak tunduk kepada AS

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa

PASIR GUDANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan Malaysia akan terus mengamalkan dasar tidak tunduk terhadap kehendak Amerika Syarikat apabila beliau mengambil alih kepemimpinan negara selepas persaraan Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pendirian itu sebagai kesinambungan dasar luar Malaysia yang dilaksanakan di bawah kepemimpinan Dr Mahathir.

"Dasar yang dilaksanakan sekarang ini pun adalah dasar yang dibuat Jemaah Menteri dan saya adalah anggota Jemaah Menteri dan ada juga dasar yang dibuat dalam jawatankuasa lain yang Dr Mahathir jadi pengerusinya dan

saya menjadi timbalannya.

"Jadi, komitmen saya sudah jelas kerana dasar itu mendapat sokongan saya," katanya pada sidang media selepas melawat Pelabuhan Tanjung

Langsat

(TLP) di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir kelmarin bahawa Malaysia tidak akan tunduk terhadap kehendak Amerika Syarikat semata-mata mahu menggembirakan kuasa besar itu atau bagi mengelak dikenakan tindakan.

Perdana Menteri juga yakin penggantinya tidak akan mengubah dasar luar Malaysia terhadap Amerika Syarikat selepas persaraannya nanti.

Dr Mahathir menegaskan demikian ketika ditanya sama ada Malaysia akan 'kowtow' (istilah Kantonis yang bermaksud tunduk) terhadap kehendak Amerika Syarikat atau membuat perubahan dasar luar negara selepas beliau tidak lagi menerajui kerajaan.

Abdullah yang sudah dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir, berkata dasar yang menjadi keputusan negara pada hari ini akan diteruskan, tetapi

ada dasar tertentu yang mungkin berubah kerana semuanya bergantung kepada

keadaan dan keperluan.

Mengenai tindakan ketenteraan yang diambil kerajaan Indonesia ke atas Gerakan Aceh Merdeka (GAM) berikutan kegagalan rundingan damai kedua-dua pihak di Tokyo kelmarin, Abdullah berkata Malaysia tidak boleh berbuat apa-apa mengenainya.

Katanya, perkara itu adalah masalah dalaman Indonesia, tetapi Malaysia bimbang limpahan masalah itu akan berjangkit ke negara ini, termasuk kemungkinan rakyat Aceh lari ke Malaysia.

"Kemungkinan orang (Aceh) lari ke kawasan kita, nampaknya besarlah dan dengan itu kita mesti bersedia untuk menangani kemungkinan itu,

khususnya

di kawasan pantai berdekatan Aceh," katanya.

Ditanya nasib pelajar Malaysia yang enggan meninggalkan Indonesia walaupun menyedari risiko perang di Aceh, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Mereka tak mahu balik nampaknya, mungkin mereka akan terselamat, tak apalah, mudah-mudahan mereka selamatlah. (Kerajaan) sudah beri nasihat, (selepas) itulah yang kita dengar mereka tak nak balik."

Abdullah berkata, kerajaan tidak boleh memberi jaminan keselamatan kepada pelajar terbabit sekiranya peperangan tercetus di wilayah yang menuntut kemerdekaan daripada Indonesia itu.

"Jadi kita harap rakyat kita pandai jaga diri baik-baik kalau mereka tak nak balik," katanya sambil menambah, Malaysia akan menyatakan pendirian berhubung perkembangan itu apabila peperangan berlaku di Aceh.

Mengenai pembelian 18 pesawat pejuang Sukhoi buatan Russia berharga kira-kira RM3.4 bilion (AS\$900 juta), Abdullah berkata, komitmen untuk pembelian itu sudah dibuat.

Ditanya kenapa kerajaan membeli kelengkapan itu ketika keadaan ekonomi agak muram, Timbalan Perdana Menteri berkata, penghantaran pesawat berkenaan hanya akan dibuat pada tahun 2006, bukannya sekarang.